Shagul Ameed Sheik Dawood lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO K-05–369 TAHUN 2010
MOHD HISHAMUDIN, AZAHAR MOHAMED DAN ALIZATUL KHAIR HHMR
2 NOVEMBER 2012

B

C

Prosedur Jenayah — Pembelaan — Bukti — Pembelaan perlu menimbulkan keraguan munasabah — Sama ada hakim perlu mempercayai keterangan tertuduh sepenuhnya untuk membolehkannya dilepaskan

D

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — s 39B(1)(a) — Pengedaran dadah berbahaya — Mengedar 4125.8g ketamine — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu ditahan dengan dadah disembunyikan dalam begnya di lapangan terbang — Beg tidak dikunci dengan mangga — Sama ada kawalan dan jagaan ke atas beg dibuktikan — Inferens mengenai pengetahuan — Inferens mengenai pengedaran — Sama ada anggapan di bawah s 37(d) terpakai — Sama ada perayu 'innocent carrier' — Sama ada pembelaan menimbulkan keraguan munasabah

E

F

Perayu, seorang warganegara India telah tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar dari Kuala Lumpur. SP6, seorang pegawai kastam yang bertugas di situ nampak perayu membawa dua beg ('P31 dan P34'). SP6 berasa sesuatu yang mencurigakan dan telah menahan perayu untuk memeriksa begnya. Unit Narkotik telah dipanggil dan hasil pemeriksaan beg perayu ('P31') telah didapati yang ianya mengandungi lima bungkusan berwarna coklat yang mana setiap bungkusan tersebut terdapat dua bingkai gambar. Didapati di dalam setiap bingkai gambar tersebut terdapat satu plastik lutsinar mengandungi dadah berbahaya jenis ketamine seberat 4125.8g. Perayu telah dituduh mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara berpuas hati bahawa semasa ditahan perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P31. Maka, hakim bicara mendapati anggapan di bawah s 37(d) ADB adalah terpakai, iaitu bahawa perayu dianggap mempunyai milikan ke atas dadah tersebut dan juga mempunyai pengetahuan tentang jenis dadah itu. Perayu dalam pembelaannya mengatakan bahawa beg P31 itu sebenarnya kepunyaan seorang bernama Ibrahim yang sepatutnya terbang bersama perayu dari India ke Malaysia. Tetapi Ibrahim telah pada saat terakhir tidak mengikuti perayu atas alasan tiket penerbangan Ibrahim 'tidak dapat diconfirm'. Perayu menafikan pengetahuan mengenai adanya dadah dalam beg P31 itu. Hakim bicara telah mendapati perayu bersalah dan telah menjatuhkan hukuman mati.

G

H

I

Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut atas alasan: (i) perayu tidak ada kawalan dan jagaan beg P31 dari Delhi ke Kuala Lumpur dan seterusnya dari Kuala Lumpur ke Alor Setar. Peguam menegaskan bahawa beg tersebut tidak dikunci dengan mangga; dan (ii) hakim bicara telah terkilaf apabila mendapati bahawa perbuatan perayu membawa beg P31 termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s 2 ADB.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman mati:

(1) Berdasarkan kesemua keterangan, hakim bicara tidak melakukan sebarang kekhilafan dari segi fakta dan undang-undang apabila beliau memutuskan bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P31 yang mengandungi dadah yang dipersoalkan itu dan oleh itu hakim bicara tidak khilaf apabila memutuskan bahawa anggapan di bawah s 37(d) ADB adalah terpakai, iaitu perayu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap mempunyai milikan ke atas dadah tersebut dan juga mempunyai pengetahuan tentang jenis dadah itu (lihat perenggan 9).

(2) Tanpa bergantung kepada anggapan di bawah peruntukan s 37(d) ADB, berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, inferens yang boleh dibuat adalah perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah yang tersorok dalam beg P31 itu. Ini mewajarkan satu penjelasan daripada perayu bagi mematahkan inferens tersebut (lihat perenggan 10); *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1 dirujuk.

(3) Dalam menimbangkan pembelaan perayu, hakim bicara tidak perlu mempercayai keterangan perayu sepenuhnya untuk membolehkan dia dilepaskan. Perayu hanya perlu menimbulkan satu keraguan yang munasabah. Hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul apabila menolak cerita perayu berdasarkan keterangan yang ada (lihat perenggan 13); *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 dirujuk.

(4) Kuantiti serta cara kesemua sepuluh bungkusan yang mengandungi dadah tersebut disembunyikan dalam bingkai-bingkai gambar bagi mengelirukan pihak berkuasa menimbulkan satu inferens bahawa ia adalah untuk tujuan pengedaran dengan mengambil pertimbangan bahawa dadah tersebut telah dibawa ke Malaysia daripada Negara India melalui udara (lihat perenggan 15); *Wjchai Onprom v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 415 dirujuk.

[English summary

The appellant, an Indian citizen arrived at the Sultan Abdul Halim Airport, Alor Setar from Kuala Lumpur. SP6, a customs officer who was on duty there saw the appellant carrying two bags ('P31 and P34'). SP6 felt doubtful and apprehended the appellant to inspect his bag. The narcotics unit was called and

upon inspection of the appellant's bag ('P31') it was found to contain five brown coloured packages where each packet contained two photo frames. It was found that in each of the photo frames there was a transparent plastic containing drugs of the ketamine type weighing 4125.8g. The appellant was charged for trafficking in dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). At the end of the prosecution's case, the trial judge was satisfied that when he was arrested the appellant had the custody and control of the bag P31. Thus, the trial judge found that the presumption under s 37(d) of the DDA was applicable, ie that the appellant was presumed to have possession on the drugs and also had the knowledge of the type of drugs. The appellant in his defence stated that the bag P31 actually belonged to one Ibrahim who was supposed to fly with the appellant from India to Malaysia. But Ibrahim at the very last minute could not follow the appellant on the reason that Ibrahim's flight ticked could not be confirmed. The appellant denied any knowledge of the presence of drugs in the bag P31. The trial judge found the appellant guilty and imposed the sentence of death. The appellant appealed against the decision on the grounds that: (i) the appellant did not have custody and control of bag P31 from Delhi to Kuala Lumpur and subsequently from Kuala Lumpur to Alor Setar. The counsel stated that the bag was not locked with a pad lock; and (ii) the trial judge had erred in finding that the appellant's act of bringing the bag P31 included in the definition of 'trafficking' under s 2 of the DDA.

Held, dismissing the appeal and sustaining the conviction and death sentence:

(1) Based on all the evidence, the trial judge had not erred in facts and law when he decided that the appellant had the custody and control of the bag P31 which contained the impugned drugs and therefore the trial judge had not erred in concluding that the presumption under s 37(d) of the DDA was applicable, ie the appellant ought to be, until the contrary is proved, presumed to have possession of the drugs and also had the knowledge of the type of drugs (see para 9).

(2) Without reliance on the presumption under the provision of s 37(d) of the DDA, based on the facts and the circumstances that existed in this case, the inference that could be drawn was that the appellant had the knowledge of the drugs hidden in the bag P31. This warranted an explanation from the appellant to rebut the inference (see para 10); *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1 referred.

(3) In considering the appellant's defence, the trial judge need not believe the appellant's evidence as a whole to enable him to be discharged. The appellant needed to only raise a reasonable doubt. The trial judge had directed himself correctly in dismissing the appellant's story based on the available evidence; *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 referred (see para 13).

(4) The quantity as well as the way all the ten packages containing drugs were concealed in the photo frames to confuse the authorities raised the inference that it was for the purposes of trafficking by taking into consideration that the drugs were taken into Malaysia from India by air (see para 15); *Wjchai Onprom v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 415 referred.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bukti, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 1918–1920.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a), lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 536–669.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073, MA (dirujuk)

PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1, MP (dirujuk)

Teng Howe Sing v PP [2008] MLJU 420; [2008] 5 CLJ 186, MR (dirujuk)

Warner v Metropolitan Police Commissioner [1968] 2 All ER 356, HL (dirujuk)

Wjchai Onprom v PP [2006] 5 MLJ 415, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 39B(1)(a), (2)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-48 Tahun 2009 (MT4) (Mahkamah Tinggi, Alor Setar)

Naran Singh (Naran Singh & Co) bagi pihak perayu.
Siti Rafidah bt Zainuddin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azahar Mohamed HMR:

[1] Perayu yang merupakan seorang warganegara India telah dituduh di Mahkamah Tinggi Alor Setar kerana mengedar dadah berbahaya jenis ketamine seberat 4125.8g pada 28 Mei 2009 jam lebih kurang 3.45 petang di Pejabat Kastam, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, dalam daerah Kota Setar, dalam Negeri Kedah, yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta 1952') dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan, YA pesuruhjaya kehakiman ('hakim bicara') mendapati perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang

berkenaan. Selanjutnya hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap perayu. Perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

[3] Fakta-fakta kes yang disandarkan oleh pihak pendakwaan yang diterima oleh hakim bicara boleh diringkaskan seperti berikut. Pada 25 Mei 2009 jam lebih kurang 3 petang, Encik Ramli bin Ahmad ('SP6'), seorang pegawai kanan kastam bertugas di kaunter pemeriksaan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar. Pada masa itu pesawat penerbangan Malaysia MH1208 tiba di lapangan terbang tersebut dari Kuala Lumpur. Perayu adalah salah seorang penumpang dalam pesawat tersebut. Di kaunter pemeriksaan kastam, SP6 nampak perayu membawa sebuah beg beroda berwarna hitam berjenama Pierre Cardin ('P31') dan beg sandang berjenama 'MAWA' ('P34'). Perayu sebelum itu telah mengambil P31 dari 'conveyor belt'. Semasa perayu melalui kaunter pemeriksaan kastam, SP6 telah menahan perayu untuk tujuaan pemeriksaan. SP6 kemudiannya meminta passport perayu. Perayu tidak menunjukkan terus passport tetapi sebaliknya telah menyerahkan satu 'purchase order' ('P38') dan satu 'labour bill' ('P39'). Selepas menyerahkan kedua-dua P38 dan P39, barulah kemudian perayu menyerahkan passport ('P40') kepada SP6. SP6 telah meneliti dokumen-dokumen tersebut dan oleh kerana berasa sesuatu yang mencurigakan, SP6 telah membawa perayu berserta P31 dan P34 ke mesin pengimbas untuk pemeriksaan lanjutan. Dengan mengunakan mesin pengimbas yang dikendalikan oleh Puan Rohani bt Keriya ('SP4') yang bertugas sebagai pembantu keselamatan penerbangan, SP6 nampak imej mampat berwarna oren gelap di dalam beg P31. Selepas itu, SP6 telah membawa perayu bersama-sama beg P31 dan P34 ke pejabat kastam di lapangan terbang tersebut dan seterusnya memaklumkan kepada Pegawai Kastam Donian bin Othman ('SP7'). Tidak berapa lama kemudian, SP7 bersama-sama anggota dari Unit Narkotik tiba di pejabat tersebut. SP6 telah menyerahkan perayu berserta beg-beg yang berkenaan kepada SP7.

[4] SP7 telah memeriksa beg P31 dan mendapati pada beg tersebut terdapat 'luggage tag' atas nama perayu dan juga terdapat nombor penerbangan. Untuk tujuan siasatan lanjut, perayu bersekali dengan beg-beg tersebut telah dibawa oleh SP7 ke Pejabat Kastam Alor Setar. Di situ, SP7 telah menjalankan pemeriksaan teliti ke atas beg P31. Di dalam P31, SP7 menemui lima bungkusan berwarna coklat yang mana setiap bungkusan tersebut terdapat dua bingkai gambar. Dengan menggunakan 'screw driver', Pegawai Kastam Ajis bin Ahmad ('SP9') telah mengumpil kesemua sepuluh bingkai gambar yang berkenaan dan didapati di dalam setiap bingkai gambar tersebut terdapat satu plastik lutsinar mengandungi bahan kristal yang jernih yang menjadikan kesemuanya sepuluh plastik lutsinar yang ditemui daripada beg P31. SP7 juga telah memeriksa beg P34 dan dari beg ini dijumpai satu bungkusan dan di

dalam bungkusan tersebut dijumpai satu bingkai gambar yang mana dalam bingkai gambar tersebut dijumpai satu plastik lutsinar yang mengandungi serbuk putih.

[5] Kesemua plastik lutsinar tersebut kemudiannya telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis. Ahli Kimia, Puan Khuzaidah bt Abdul Raof ('SP1') telah menjalankan analisis ke atas kandungan dalam semua plastik lutsinar tersebut. Hasil analisis yang dijalankan oleh SP1 mengesahkan bahawa kandungan di dalam kesemua sepuluh plastik lutsinar (yang ditemui dalam beg P31) sebagai dadah berbahaya jenis ketamine yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta 1952 seberat 4125.8g. SP1 mendapati kandungan satu lagi plastik lutsinar (yang ditemui dalam beg P34) tidak mengandungi apa-apa dadah berbahaya.

[6] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara berpuashati bahawa semasa ditahan perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P31 yang mana terdapat dalam beg tersebut, sepuluh plastik lutsinar yang semuanya mengandungi dadah berbahaya yang merupakan dadah yang dipersoalkan dalam kes ini. Dengan yang demikian, hakim bicara mendapati anggapan di bawah s 37(d) Akta 1952 adalah terpakai, iaitu perayu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap mempunyai milikan ke atas dadah tersebut dan juga mempunyai pengetahuan tentang jenis dadah itu. Seterusnya, hakim bicara memutuskan bahawa dalam hal keadaan kes ini perbuatan perayu 'membawa' dadah ketamine seberat 4125.8g tersebut termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s 2 Akta 1952. Justeru itu, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie bagi tuduhan pengedaran dan telah memerintahkan supaya perayu membela diri.

[7] Perayu telah memilih untuk memberi pembelaan secara bersumpah. Dalam keterangannya perayu mengatakan dia bekerja sebagai tukang jahit di India. Sebelum bertolak dari Chennai untuk ke Malaysia mencari pekerjaan, perayu sudah tidak bekerja hampir lebih kurang 15 hari kerana syarikat di mana dia bekerja telah tutup. Sebelum ini dia pernah datang ke Malaysia sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2007 dan 2008. Menurut perayu, seorang bernama Babu menawarkan pekerjaan di Kuala Lumpur dan pada 28 Mei 2009 dia datang ke Malaysia dengan tujuan untuk bekerja dengan individu yang berkenaan. Tiket penerbangan untuk dia datang ke Malaysia telah dibeli dengan wang yang dipinjam daripada seorang bernama Zahid. Sebagai balasannya, perayu bersetuju untuk bekerja sebagai 'burung' iaitu membawa barang-barang yang bernilai seperti potret dan frame lukisan untuk dihantar ke Malaysia. Menurut perayu, sepatutnya dia datang ke Malaysia pada 28 Mei 2009 bersama-sama dengan seorang bernama Ibrahim. Dia telah berjumpa Ibrahim di Pasar China di Chennai. Dari Chennai dia dan Ibrahim menaiki pesawat ke Delhi. Mengikut cerita perayu, dia ada membawa satu beg kecil

yang mengandungi seluar dan baju. Pakaiannya itu kemudiannya dimasukkan ke dalam beg yang dibawa oleh Ibrahim. Perayu mengatakan P31 dan P34 sebagai beg-beg yang dibawa oleh Ibrahim. Setibanya di Lapangan Terbang Delhi, menurut perayu, Ibrahim menyuruh dia datang berseorangan ke Malaysia kerana kononnya tiket beliau (Ibrahim) 'tidak dapat diconfirm' dan hanya tiket perayu sahaja yang 'ok'. Kemudian Ibrahim telah mendaftarkan masuk penerbangan perayu dan beg P31 di kaunter penumpang. Menurut perayu, kecuali bagi beg P34, dia tidak pada bila-bila masa memegang atau membuka beg P31 di Lapangan Terbang Delhi. Menurut cerita perayu, Ibrahim ada memberitahunya bahawa beg P31 mengandungi 'frame'. Perayu menyatakan dia langsung tidak mengetahui terdapat dadah jenis ketamine di dalam beg P31 itu.

[8] Di hadapan kami, peguam perayu telah mengemukakan dua alasan utama bagi menyokong rayuan perayu supaya sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara diketepikan.

[9] Pertama, peguam berhujah bahawa perayu tidak ada kawalan dan jagaan beg P31 dari Delhi ke Kuala Lumpur dan seterusnya dari Kuala Lumpur ke Alor Setar. Peguam menegaskan bahawa beg tersebut tidak dikunci dengan mangga. Memang benar dalam kes ini tidak ada keterangan langsung (*direct evidence*) yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk menunjukkan bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P31 sewaktu beg tersebut dalam penerbangan dari Delhi ke Kuala Lumpur dan kemudiannya dari Kuala Lumpur ke Alor Setar. Namun, apa yang tidak boleh dipertikaikan adalah apabila pesawat yang berkenaan tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar, perayu sendiri yang telah mengambil P31 dari 'conveyor belt' dan membawanya sendiri ke kaunter kastam. Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa pada beg tersebut terdapat 'luggage tag' atas nama perayu. Berdasarkan kesemua keterangan ini, pada hemat kami, hakim bicara tidak melakukan sebarang kekhilafan dari segi fakta dan undang-undang apabila beliau memutuskan bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas beg P31 yang mengandungi dadah yang dipersoalkan itu dan oleh itu hakim bicara tidak khilaf apabila memutuskan bahawa anggapan di bawah s 37(d) Akta 1952 adalah terpakai, iaitu perayu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap mempunyai milikan ke atas dadah tersebut dan juga mempunyai pengetahuan tentang jenis dadah itu.

[10] Tambahan pula, pada hemat kami, tanpa bergantung kepada anggapan di bawah peruntukan s 37(d) Akta 1952, berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, inferens yang boleh dibuat adalah perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah yang tersorok dalam beg P31 itu. Dalam kes ini tidak boleh dipertikaikan bahawa pada masa dan tempat sepertimana yang tertera dalam pertuduhan, perayu didapati membawa beg P31. Perayu pada

masa itu seorang diri semasa membawa beg tersebut. Oleh kerana telah dibuktikan bahawa perayu mempunyai kawalan fizikal ke atas beg P31, pada hemat kami, terdapat inferens yang kuat bahawa perayu mengetahui bahawa beg P31 dalam miliknya itu mengandungi dadah yang berkenaan. Ini mewajarkan satu penjelasan daripada perayu bagi mematahkan inferens tersebut. Prinsip undang-undang ini boleh dilihat dalam kes *Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356 di mana di ms 394 Lord Wilberforce berkata:

> In all such cases, the starting point will be that the accused had physical control of something — a package, a bottle, a container — found to contain the substance. This is evidence — generally strong evidence — of possession. It calls for an explanation: the explanation will be heard and the jury must decide whether there is genuine ignorance of the presence of the substance, or such an acceptance of the package with all that it might contain, or with such opportunity to ascertain what it did contain or such guilty knowledge with regard to it as to make the statutory possession.

[11] Pendekatan yang diambil oleh Lord Wilberforce tersebut telah diikuti oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1, di mana sewaktu menyampaikan penghakimannya, Arifin Zakaria HMP (YAA pada ketika itu) bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Lord Morris dalam kes *Warner v Metropolitan Police Commissioner*:

> If there is assent to the control of a thing, either after having the means of knowledge of what the thing is or contains or being unmindful whether there are means of knowledge or not, then ordinarily there will be possession. If there is some momentary custody of a thing without any knowledge or means of knowledge of what the thing is or contains then ordinarily, I would suppose that there would not be possession. If, however, someone deliberately assumes control of some package or container, then I would think that he is in possession of it. If he deliberately so assumes control knowing that it has contents, he would also be in possession of the contents. I cannot think that it would be rational to hold that someone who is in possession of a box which he knows to have things in it is in possession of the box but not in possession of the things in it. If he had been misinformed or misled of the nature of the contents, or if he had made a wrong surmise as to them, it seems to me that he would nevertheless be in possession of them.

[12] Berbalik kepada kes di hadapan kami, untuk menunjukkan dia tidak mengetahui terdapat dadah di dalam beg P31, perayu telah mengemukakan cerita bahawa beg yang berkenaan adalah kepunyaan seorang bernama Ibrahim. Perayu juga menimbulkan cerita tentang Zahid yang kononnya memberi pinjaman wang tetapi dia perlu bekerja menjadi 'burung'. Kami telah meneliti alasan penghakiman hakim bicara berhubung isu ini. Setelah

mempertimbangkan dan memperhalusi pembelaan perayu, hakim bicara telah menolaknya dengan memutuskan seperti berikut:

> Saya dapati keterangan pembelaan ini tidak menunjukkan tertuduh hanya seorang 'innocent carrier' seperti yang cuba digambarkan oleh pembelaannya. Keterangan pembelaan tertuduh ini juga tidak dapat menyangkal anggapan yang ditimbulkan terhadap beliau di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 bahawa beliau mempunyai pemilikan dan pengetahuan terhadap dadah berbahaya ketamine yang disimpan di dalam bingkai gambar yang beliau bawa.

[13] Di dalam menimbangkan pembelaan perayu, hakim bicara tidak perlu mempercayai keterangan perayu sepenuhnya untuk membolehkan dia dilepaskan. Perayu hanya perlu menimbulkan satu keraguan yang munasabah (sila lihat *Mohd Radhi Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 CLJ 2073). Setelah meneliti alasan penghakiman hakim bicara, kami mendapati beliau telah menggunapakai prinsip-prinsip yang betul sepertimana beliau berkata seperti berikut:

> Saya sedar di dalam pembelaannya tertuduh hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa saja dan bukanlah membuktikan pembelaannya benar-benar berlaku. Walaupun pembelaan tertuduh ini ditolak saya tetap perlu mempertimbangkan pembelaan tertuduh bagi menentukan sama ada pembelaan tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwa. Saya telah mempertimbangkan keseluruhan pembelaan ini dan saya dapati keseluruhan keterangan pembelaan tertuduh ini tidak dapat menimbulkan apa-apa keraguan yang munsabah terhadap kes pendakwa.

[14] Kami bersetuju dengan penemuan di atas yang dibuat oleh hakim bicara, yang pada hemat kami, disokong oleh fakta dan keadaan sekeliling yang terdapat dalam kes ini. Kami berpendapat hakim bicara telah menilai dengan secukupnya pembelaan perayu mengenai perkara ini. Hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul apabila menolak cerita perayu berdasarkan keterangan yang ada. Lagi pula, hakim bicara adalah berhak untuk berbuat demikian kerana beliau telah melihat *demeanour* perayu sewaktu memberi keterangan. Tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami mengganggu dapatan fakta tersebut (sila lihat *Teng Howe Sing v Public Prosecutor* [2008] MLJU 420; [2008] 5 CLJ 186).

[15] Kini kami beralih kepada alasan kedua yang dikemukakan oleh peguam perayu. Bagi alasan ini, peguam telah berhujah bahawa hakim bicara telah terkilaf apabila mendapati bahawa perbuatan perayu membawa beg P31 yang mengandungi dadah yang berkenaan termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s 2 Akta 1952. Kami mendapati tiada merit dalam isu yang dibangkitkan ini. Perayu telah dibuktikan membawa dadah dalam kuantiti yang begitu banyak iaitu 4125.8g dengan cara disorok di dalam beg P31. Cara

kesemua sepuluh bungkusan yang mengandungi dadah tersebut disembunyikan dalam bingkai-bingkai gambar bagi mengelirukan pihak berkuasa menimbulkan satu inferens bahawa ia adalah untuk tujuan pengedaran dengan mengambil pertimbangan bahawa dadah tersebut telah dibawa ke Malaysia daripada Negara India melalui udara. Dalam hubungan ini dengan hormatnya kami bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Gopal Sri Ram HMR (YA pada masa itu) dalam kes *Wjchai Onprom v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 415 sepertimana yang berikut:

> Here the appellant was caught conveying a very large quantity of cannabis from Thailand to Malaysia. In view of the amount involved, it is safe to infer that the drug was intended for a third person or persons, known or unknown. That other person or persons may, to borrow Lord Diplock's words, be 'the actual consumer or a distributor or another dealer'. So this is not a case of mere passive possession. There were overt acts done by the appellant, namely the active concealment of the drug on his person followed by its conveyance from Thailand into Malaysia which reasonably supports the existence of criminal purpose proscribed by the Act. We may add that the very same has also give rise to a strong inference that the appellant was aware of his possession, knew the nature of the drug possessed and had the power of disposal over it. So much for the prima facie proof of actual trafficking.

[16] Dalam kes di hadapan kami ini, amat jelas pada pandangan kami, bahawa ini bukan kes pemilikan pasif semata-mata. Tiada inferens lain yang boleh dibuat melainkan bahawa perayu membawa dadah tersebut bagi tujuan penghantaran untuk pihak ketiga dan ini, pada hemat kami, termasuk dalam takrifan 'pengedaran' di bawah s 2 Akta 1952. Pada hemat kami perayu gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah bahawa dia telah mengedar dadah berbahaya seperti dalam pertuduhan.

[17] Setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan serta juga hujah kedua-dua belah pihak, kami sebulat suara telah memutuskan bahawa hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati perayu bersalah atas pertuduhan yang berkenaan. Kami berpuashati bahawa sabitan dan hukuman terhadap perayu adalah selamat. Dengan yang demikian, rayuan ini ditolak. Kami mengekalkan sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan terhadap perayu.

Rayuan ditolak dan sabitan dan hukuman mati dikekalkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum